

Penang Times Square dibuka ikut jadual

GEORGE TOWN – Projek pembangunan pusat beli-belah Penang Times Square (PTS) di sini dijangka dapat beroperasi mengikut jadual berikutan kemajuan pembinaan kini hampir 65 peratus.

PTS yang mempunyai keluasan 26,384 meter persegi itu menyediakan 200 unit kedai termasuk cawangan runcitan Suiwah Corporation, Sunshine City yang beroperasi sejak 5 Disember lalu.

Pengarah Eksekutif Ivory Properties Group, Datuk Seri Nazir Ariff berkata, empat frasa pembangunan termasuk pusat beli-belah dan unit kediaman yang menelan RM1.1 billion itu dijangka beroperasi secara berperingkat mulai tahun ini.

“Setakat ini, projek di fasa pertama yang menempatkan ruang membeli-belah di Birch Plaza dan Chin Ho Plaza termasuk unit kondominium dan penthouse siap dibina pada awal tahun lalu.

“Projek di frasa kedua iaitu unit kediaman kondominium bakal didiami pada penghujung tahun ini manakala bagi frasa ketiga dan keempat yang menempatkan sebuah ruang pameran, pusat konvensyen dan hotel sedang dijalankan dan dijangka siap pada tahun 2015 nanti,” katanya kepada pemberita semalam.

Dalam pada itu katanya, apabila semuanya siap beroperasi nanti, PTS akan terkenal sebagai hab pelancongan berprestij di tapak warisan negeri ini.

Malah katanya, pusat beli-belah yang bertempat di Jalan Dato' Keramat itu dijangka mampu menarik kedatangan pengunjung tempatan termasuk luar negara yang ingin menjadikan destinasi percutian menarik yang mesti dikunjungi.